| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1. | **Pengenalan** | Nexus Young Researcher (NYR) adalah satu bentuk program baru untuk pelajar pasca siswazah yang terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang sedang atau akan mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah secara sepenuh masa di UTM. Program ini merupakan salah satu agenda JTNCPI untuk mencapai matlamat bagi menghasilkan saintis-saintis muda / penyelidik yang berani menyahut cabaran serta menghasilkan cendekiawan yang bertaraf dunia. |
| 2. | **Objektif** | 1. Menggalakkan pelajar cemerlang menceburi bidang penyelidikan S&T dan S&S bagi melahirkan masyarakat yang inovatif dan berkepakaran tinggi;<br>2. Menjadikan UTM sebagai sebuah hub kecemerlangan pendidikan yang mencapai status pendidikan bertaraf dunia. |
| 3. | **Syarat Permohonan** | 1. Dibuka kepada warganegara Malaysia sahaja.<br>2. Berumur tidak melebihi 40 tahun untuk calon Sarjana dan PhD semasa permohonan.<br>3. Tidak menerima apa-apa biasiswa atau bantuan kewangan pengajian dari mana-mana syarikat, yayasan, agensi kerajaan atau badan penaja.<br>4. Dibuka untuk pelajar yang tidak bekerja.<br>5. Dibenarkan untuk pelajar *fast-track.*<br>6. Dibuka kepada pelajar sepenuh masa sahaja.<br>7. Dibuka untuk pelajar baharu dan pelajar pada semester 1 atau 2, bergantung kepada kesesuaian jenis geran dan keperluan projek. |
| 4. | **Tempoh Pengajian** | 1. 2 Tahun bagi pelajar Sarjana<br>2. 3 Tahun bagi pelajar PhD. |
| 5. | **Peraturan Program** | 1. Penawaran program dinyatakan bersama surat tawaran.<br>2. Penyaluran kewangan bagi setiap semester adalah bergantung kepada prestasi pelajar.<br>3. Penamatan program boleh berlaku jika pelajar melanggar syarat-syarat atau perkara-perkara yang tertera di dalam dokumen Terma dan Syarat atau dokumen Perjanjian Nexus Young Researcher. |
| 6. | **Peraturan Kewangan** | Peruntukan perlu memenuhi peraturan di bawah:<br><br>**V11000 (bayaran elaun sara hidup pelajar)** |

| Pengajian | Tempoh | Elaun sara hidup / bulan | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| Sarjana | 24 bulan | RM 1500.00 | RM 36,000.00 |
| PhD | 36 bulan | RM 1800.00 | RM 64,800.00 |

**V40000 (bayaran yuran pelajar)***

| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| | | **Pengajian** / **Tempoh** / **Jumlah Yuran (RM)**: Sarjana – 4 Semester – 12,390.00; PhD – 6 Semester – 18,350.00 |

| Pengajian | Tempoh | Jumlah Yuran (RM) |
|---|---|---|
| Sarjana | 4 Semester | 12,390.00 |
| PhD | 6 Semester | 18,350.00 |

**tertakluk kepada perubahan*

Ketua Projek tidak boleh membuat perpindahan masuk atau keluar bagi V11000 dan V40000 bagi memastikan elaun dan yuran pelajar dapat disalurkan sepanjang tempoh pengajian.

| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 7. | **Output Program** | Sarjana = 1 jurnal WOS<br>PhD = 2 jurnal WOS |
| 8. | **Proses Permohonan** | Pemohon perlu mengisi borang melalui pautan di bawah:<br>https://shorturl.at/zEHJ4 |
| 9. | **Penilaian Permohonan** | Permohonan akan disemak di peringkat RMC mengikut Syarat Permohonan (Perkara 3). |
| 10. | **Keputusan** | 1. Keputusan akan dibentangkan dan akan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Geran Penyelidikan (JKPGP).<br>2. Surat penawaran akan dikeluarkan oleh RMC.<br>3. Pembayaran yuran akan dibuat oleh RMC kepada Seksyen Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari.<br>4. Keputusan yang diumumkan adalah **MUKTAMAD.** |
| 11. | **Pemantauan Projek** | 1. Pemantauan akan dilakukan bersama geran penyelidikan yang telah dianugerahkan kepada penyelia.Penerusan penyaluran peruntukan tertakluk kepada prestasi pengajian pelajar.<br>2. Pelajar perlu mengemukakan laporan kemajuan Pelajar penyelidikan melalui sistem GSMS, yang disediakan oleh Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) untuk setiap penghantaran laporan kemajuan projek dalam sistem RADIS (oleh penyelia).<br>3. Penilaian dan pemantauan pelajar akan dibuat berdasarkan *milestone* projek oleh RMC.<br>4. Hasil keputusan pemantauan akan dibentangkan dan diperakukan oleh JKPGP.<br>5. Berdasarkan hasil pemantauan dan dengan kelulusan JKPGP, penawaran akan:<br><br>**TERMINATED**<br>1. Melanggar perkara-perkara yang dinyatakan di dalam dokumen Terma dan Syarat atau dokumen Perjanjian Nexus Young Researcher<br>2. Status pencapaian Gagal |

| RESEARCH MANAGEMENT CENTRE | KRITERIA NEXUS YOUNG RESEARCHER | Semakan: |
|---|---|---|
| | | Tarikh Pindaan: 11 Julai 2023 |
| | | Muka surat 3 Daripada 3 |

| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 12 | **Tanggungjawab penyelia** | 1. Memastikan pelajar aktif dan menjalankan penyelidikan yang telah ditetapkan.<br>2. Menghantar laporan perkembangan pelajar di dalam RADIS dalam Progress Report.<br>3. Memproses pembayaran elaun dan yuran seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran dan proposal yang telah diluluskan.<br>4. Memaklumkan kepada RMC jika pelajar tidak lagi aktif/gagal/ melanggar perkara-perkara yang dinyatakan di dalam dokumen Perjanjian. |
| 13. | **Penutupan/ Penamatan program** | Pelajar bertanggungjawab untuk menghantar salinan borang/ dokumen penghantaran tesis kepada penyelia sebagai lampiran laporan akhir di dalam sistem RADIS. |

Carta Alir:

